

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, November 14, 2017 3:53 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pembangunan Bakat Dan Pengurusan Risiko - Pembaharuan Signifikan Pelan Strategik Universiti 2018



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



14 NOVEMBER 2017 / 25 SAFAR 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Abdul Halim Husain

PEMBANGUNAN BAKAT DAN PENGURUSAN RISIKO - PEMBAHARUAN SIGNIFIKAN PELAN STRATEGIK UNIVERSITI 2018



UUM ONLINE: Melangkah ke tahun 2018, aspek pembangunan bakat dan pengurusan risiko akan diberi perhatian sebagai salah satu pembaharuan signifikan dalam Pelan Strategik UUM Fasa 2 (2016-2020).

Naib Canselor, Prof Dato' Dr Seri Mohamed Mustafa Ishak berkata, kedua aspek tersebut adalah penting untuk membangunkan UUM sebagai sebuah kampus yang hebat mengikut acuan sendiri.

"Dalam aspek pembangunan bakat, kita memerlukan bakat pemimpin dalam tempoh 10 tahun akan datang untuk menerajui universiti, malah kini kita boleh lihat bahawa UUM sudah melakukan jauh lebih baik sama ada di peringkat akademik mahupun pentadbiran.

"Bagi pengurusan risiko pula walaupun sudah ada dalam agenda tetapi ia tidak diberikan perhatian secukupnya, justeru saya mahu semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Pusat Pengajian mempunyai garis panduan tentang pengurusan risiko masing-masing dengan dibantu IPQ yang akan menganjurkan bengkel taklimat kepada semua PTJ tentang aspek tersebut," katanya yang mempengerusikan Mesyuarat Pembentangan Pencapaian Suku Ke-3 (Jan-Sep) 2017 Pelan Strategik Fasa 2 di Bilik Senat, pagi tadi.

Pembentangan pencapaian itu telah dibentangkan Pengarah IPQ, Prof Madya Dr Faudziah Zainal Abidin berdasarkan empat teras dalam Pelan Strategik iaitu Teras 1 (Mempertingkatkan Keserjanaan dan Pengantarabangsaan); Teras 2 (Pembangunan Modal Insan dan Pengurusan Bakat); Teras 3 (Membangun Mahasiswa Secara Holistik dan Hubungan Alumni) dan Teras 4 (Penjanaan Kekayaan).

Sebanyak 181 daripada 201 Petunjuk Prestasi (PI) telah dibentangkan dan daripada jumlah tersebut, 88 PIs (49%) telah mencapai indikator hijau, 16 PIs (9%) berwarna kuning, 58 PIs (32%) peratus berwarna merah dan 19 PIs (10%) berwarna hitam.

Dr Faudziah turut membentangkan prestasi 17 pusat pengajian yang mana tiga pusat pengajian berada di kedudukan teratas dengan mencapai indikator berwarna hijau iaitu Pusat Pengajian Pengkomputeran dengan PI sebanyak 48.5 peratus, diikuti Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan sebanyak 42.7 peratus dan Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden mencapai PI sebanyak 41.8 peratus.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.